

Perbincangan Potensi IP dan Produk ke Pasaran Antarabangsa

Kuala Lumpur, 17 Mei - Satu langkah signifikan diambil oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan mengadakan kunjungan ke Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi membincangkan potensi hak intelek (IP) dan produk universiti untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Delegasi RMIC UPSI yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Suriani Abu Bakar, disambut mesra oleh Timbalan Pengarah Seksyen Pembinaan & Perkhidmatan Perniagaan MATRADE, Tuan Syed Mohamad Fairus Shaik Ismail.

Kunjungan ini bertujuan berbincang bersama bagi kerjasama strategik antara kedua-dua institusi dalam usaha meningkatkan keterlihatan produk inovasi tempatan di pasaran global.

Dalam sesi perbincangan tersebut, RMIC UPSI mengetengahkan beberapa inovasi dan hasil penyelidikan terkini yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan. Antara produk yang diketengahkan termasuklah bahan pengajaran interaktif berbasis teknologi, perisian pendidikan, serta produk-produk kesihatan dan kesejahteraan hasil kajian para penyelidik UPSI.

Profesor Dr. Suriani Abu Bakar menjelaskan bahawa kerjasama dengan MATRADE adalah kunci untuk membuka pintu ke pasaran antarabangsa.

"Dengan sokongan MATRADE, kami berharap dapat memperluas jaringan dan menembusi pasaran luar negara dengan lebih berkesan.

Ini bukan sahaja akan membawa manfaat kepada universiti dan para penyelidik, tetapi juga memperkenalkan inovasi UPSI -Malaysia di persada dunia terutama dalam bidang penyelidikan awal kanak-kanak," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI, PSAS Terus Proaktif dalam Pembangunan Komuniti Melalui Program TVET

Manjung, 16 Mei - Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) terus proaktif dalam melaksanakan program khidmat masyarakat yang berasaskan TVET (Teknikal dan Vokasional Pendidikan dan Latihan) iaitu menservis motosikal melalui Program Outreach Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Lumut, Perak.

Pelaksanaan program bantuan teknikal ini adalah bersempena

Karnival Anak Muda yang diadakan pada 14 Mei baru-baru ini di Medan Selera Musang King, Manjung yang bertumpukan komuniti di sekitar kawasan Manjung dan dihadiri oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak dan YB Khairudin Abu Hanipah, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia & Sukan Negeri Perak.

Menurut Pengarah UCTC, Prof. Madya Dr. Mohd Azlan Nafiah, lebih kurang 200 buah motosikal telah berjaya diselenggara. Program bantuan teknikal ini

dapat mengurangkan kos penyelenggaraan kenderaan komuniti di sekitar kawasan Manjung sekaligus membantu meringankan beban kewangan.

Selain itu, pelaksanaan program ini juga dapat menjadi latihan kepada mahasiswa Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Automotif) PSAS dengan mengaplikasikan pengetahuan yang mereka pelajari di samping mendapat pengalaman langsung dalam bekerja.

Lawatan Kerja daripada Fakulti Sains dan Teknologi UIN SUSKA ke UPSI

UPSI, 16 Mei- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima lawatan kerja daripada Fakulti Sains dan Teknologi Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA) Riau Indonesia pada 14 Mei 2024 ke Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi (META)

Lawatan delegasi UIN SUSKA ini bertujuan mengukuhkan jalinan kerjasama antara kedua-dua

dalam menyediakan perancangan dan penyediaan usul program pascasiswazah yang bakal meneruskan pengajian di peringkat doktor falsafah di UPSI.

Seramai 14 pensyarah daripada Fakulti Sains dan Teknologi UIN SUSKA Riau Indonesia telah menyertai lawatan ini dan telah diraikan di Bilik Mesyuarat Utama Pusat Mobiliti UPSI serta dibawa melawat ke kedua-dua kampus

Kampus Sultan Azlan Shah dan Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Lawatan ini juga adalah lawatan balas yang telah dilakukan oleh Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi pada tahun 2023 di mana dua pensyarah telah diwakili sebagai Profesor Tamu untuk mewujudkan jaringan pascasiswazah, penerbitan, penyelidikan, dan akademik yang menghasilkan LOI di peringkat global.



BAITUL HIKMAH



UPSI Jalin Kerjasama dengan IKIM

Kuala Lumpur, 16 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) melakukan kunjungan hormat dan perbincangan kolaborasi dalam menjalin kerjasama antara pihak FSK dengan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Perbincangan kolaborasi ini diketuai oleh Dekan FSK, Prof Madya Ts. Dr. Nor Kalsum Mohd

Isa, manakala bagi pihak IKIM diketuai oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof Madya Dato' Dr. Mohamad Azam Mohamed Adil. Kunjungan hormat dan sesi perbincangan ini turut dihadiri oleh Pengarah Pusat Kajian Ekonomi & Kemasyarakatan, Dr. Muhammad Hisham Mohamad dan Pengarah Penyelidikan IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen serta pengurusan tertinggi FSK.

Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan dan mengenal pasti peluang kolaborasi antara satu sama lain. Pertemuan ini juga menjadi medium bagi kedua-dua pihak untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam pelbagai program.

Kunjungan ini diakhiri dengan persetujuan untuk menjayakan memorandum persefahaman serta pelbagai aktiviti yang disepakati.

Yogyakarta



PROGRAM VISITING PROFESSOR DAN MOBILITI PELAJAR

Program Visiting Professor dan Mobiliti Pelajar Tidak Berkredit ke Universitas Negeri Yogyakarta

UPSI



Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2024

Taiping



UPSI Santuni Tunas Bakti Taiping

UPSI



Sambutan Hari Belia Negara UPSI: Menghargai Sumbangan dan Potensi Belia

UPSI



Lawatan Universitas Riau ke UPSI: Memperkasakan Jaringan Akademik dan Penyelidikan Antarabangsa